

22/01/2002

Undang-undang kawal Pas kendali tadika (HL)

Kadir Dikoh

PETALING JAYA, Isnin - Kerajaan mungkin melarang Pas daripada mengendalikan taman didikan kanak-kanak (tadika) dan taman asuhan kanak-kanak Islam (taski) jika institusi seumpama itu terus mendidik kanak-kanak membenci pemimpin dan kerajaan, bukannya mengajar agama sebenar.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kajian akan dibuat sama ada untuk memperkenalkan undang-undang baru atau undang-undang sedia ada dipinda, bagi mengawal pembukaan tadika atau taski supaya matlamat penubuhannya tidak diselewengkan.

Perdana Menteri berkata, setakat ini tiada undang-undang khusus untuk mengawal taman didikan kanak-kanak seumpama itu. Selain ia dibuka sesuka hati, kelulusan dan tahap pengetahuan agama tenaga pengajarnya juga tidak diketahui.

"Tiada undang-undang untuk mengawal tadika atau taski. Tetapi, dia orang (Pas) buka saja. Bila kita (kerajaan) buka pula, dia tutup macam (tadika) Kemas di Terengganu.

"Kita sedang kaji... kita tahu di Pakistan, Presiden (Pervez) Musharraf sekarang tutup banyak madrasah kerana mendapati madrasah itu bukan ajar agama, tapi ajar macam mana nak memberontak, nak menjatuhkan kerajaan," katanya.

Beliau menjawab soalan pemberita selepas melancarkan Pusat Komuniti (Kelas Tuisyen) Puteri Umno di kawasan flet Taman Seri Manja, di sini petang ini.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Selangor, Datuk Mohd Khir Toyo; Menteri Penerangan merangkap Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakub dan Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said.

Pusat tuisyen itu mengajar bahasa Inggeris dan tulisan jawi kepada kanak-kanak di kawasan sekitar setiap malam Rabu dan Jumaat.

Mengulas lanjut mengenai kemungkinan melarang Pas mengendalikan tadika dan taski, Dr Mahathir berkata jika parti itu terus mengajar kanak-kanak bagaimana melanggar undang-undang seperti berlaku di Pakistan, kerajaan tiada pilihan lain.

Katanya, Pas membuka taman seumpama itu di merata tempat dengan menanam di jiwa kanak-kanak supaya membenci orang tertentu dan terus membenci orang itu apabila besar nanti.

"Kita tahu orang Melayu, diajar dari kecil bahawa babi itu kotor dan sampai besar pun dia tak boleh tengok (babi), dia naik muntah. Jadi dia nak buat macam itu, bagi nama orang tertentu ini, konon (digelar) mahazalim, maha firaun, macam-macam. Fikiran kanak-kanak yang bersih, dicemari oleh orang macam ini.

"Orang ramai hantar anak belajar di tadika, bahkan orang Umno pun ada yang hantar anak dia pergi situ pasal dia ingat nak belajar agama. Tapi kalau dia ajar agama pun sikit sangatlah, yang dia dok ajar, nak benci orang saja," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan berhasrat menutup tadika yang dikenal pasti mengajar kanak-kanak membenci kerajaan, Dr Mahathir berkata aspek undang-undang akan dikaji bagi menentukan sejauh mana hak kerajaan untuk berbuat demikian.

Katanya, masalah sekarang ialah tiada penyeliaan dilakukan ke atas tadika di negara ini dan cerita mengenai kanak-kanak diajar membenci pemimpin dan kerajaan cuma diluahkan ibu bapa.

"Kita tak ada penyeliaan yang cukup kerana yang ini ditubuh oleh mereka

tanpa kebenaran dan mereka mengajar sesuka hati. Orang yang mengajar itu, kelulusan apa pun kita tak tahu," katanya.

Mengenai kemungkinan tangkapan terhadap ahli Kumpulan Militan Malaysia (KMM) sudah berakhir, beliau berkata ia bergantung kepada siasatan polis.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir berkata, perbuatan menyemai sikap membenci di kalangan kanak-kanak terhadap orang tertentu akan memusnahkan masyarakat dan diri mereka.

Sebaliknya, jika kanak-kanak ini dibenarkan hidup tanpa hasutan, mereka akan menjadi manusia dan warganegara yang baik serta boleh menyumbang kepada pembangunan negara.

"Setiap kanak-kanak yang dilahirkan adalah bersih daripada sikap membenci dan tidak mempunyai sebarang ingatan jahat.

"Tapi kalau kita tanam perasaan kebencian kepada hati kanak-kanak ini... dan ajar benci kepada orang itu dan ini dan mengajar untuk memanggil orang ini dan itu dengan nama firaun, maha zalim dan sebagainya, jika dibiarkan, ini akan memusnahkan bukan saja masyarakat, tetapi diri mereka sendiri.

"Saya yakin bila kanak-kanak pergi ke pusat tuisyen, mereka bukan saja meningkatkan ilmu bahkan dilatih menjadi manusia yang baik dan tidak membenci orang itu dan ini," katanya.

(END)